

2,408 graduan UMS terima ijazah

KOTA KINABALU: Seramai 2,408 graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima ijazah masing-masing dalam pelbagai bidang pengajian sempena Majlis Konvokesyen ke-5 UMS tahun ini, yang diadakan buat pertama kali di Dewan Besar universiti itu, dekat sini.

Daripada jumlah itu seramai 1,307 graduan menerima ijazah pada hari pertama (kelmarin), empat daripadanya adalah penerima Ijazah Doktor Falsafah, 21 penerima Ijazah Sarjana dan selebihnya penerima Ijazah Sarjana Muda. Ia disampaikan oleh Canselor UMS Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertuan Negeri Sabah Tun Hj. Ahmadshah Abdullah.

Manakala pada hari kedua (hari ini) seramai 1,100 graduan lagi dari pelbagai bidang pengajian akan menerima ijazah mereka.

Naib Canselor UMS Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman dalam ucapannya berkata: "Pihak universiti menaruh harapan agar para graduan ini mampu menyumbang kepada kemajuan masyarakat dan negara di masa hadapan, khususnya kepada ibu bapa dan keluarga yang telah berkorban menajayakan pengajian mereka".

"Saya turut yakin, para graduan yang ada pada hari ini, akan mampu mencorakkan pembangunan negara 17 tahun akan datang, iaitu menjelang 2020," katanya pada Majlis Konvokesyen ke-5 UMS, dekat sini, kelmarin.

Beliau berkata perkembangan arus globalisasi kini telah mewujudkan paradigma baru dalam kemajuan manusia sejagat. "Penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat juga mempercepatkan persaingan pencapaian ilmu, kemahiran dan kepakaran di kalangan masyarakat dunia".

"Oleh itu, saya mengingatkan kepada para graduan supaya sentiasa bersedia menghadapi segala cabaran di peringkat global.

"Para graduan tidak seharusnya memirkan bahawa, kejayaan akan berakhir

setelah mendapat segulung ijazah. Cabaran karier dan kehidupan alam realiti sebenarnya adalah lebih mencabar," katanya.

Dr Abu Hassan berkata, untuk berjaya dalam cabaran arus semasa, setiap graduan perlu menguasai bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa asing lain sebagai nilai tambah kebolehsaingan. "Kita sedia maklum bahasa Inggeris adalah bahasa pengantar dunia yang utama untuk berinteraksi dan berkomunikasi.

"Para graduan juga hendaklah mempunyai 'software of success' yang melibatkan nilai-nilai positif yang perlu ada dalam diri para graduan seperti keterampilan, berdisiplin dan bertanggungjawab terhadap amanah yang diberikan di samping memperkukuhkan nilai-nilai murni keagamaan sebagai benteng memperkuat jati diri," katanya.

Beliau juga menekankan bahawa pembelajaran secara berterusan perlu diamalkan sama ada semasa bekerja ataupun dengan meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Berebalkan ilmu dan kepakaran ini, anda akan mampu menyumbang kembali kepada kemajuan dan kesejahteraan masyarakat, bangsa dan negara, khususnya kepada para ibu bapa dan keluarga yang banyak berkorban untuk memastikan kejayaan anda.

Terdahulu dalam ucapan itu, Dr Abu Hassan berkata, UMS semakin berkembang maju sejak ia ditubuhkan

Antara pencapaiannya ialah dari segi pengurusan kualiti dan penyelidikan. "Dari segi penyelidikan UMS mendapat beberapa geran penyelidikan dan berjaya mengkomersialkan beberapa penyelidikan yang berpotensi tinggi, termasuk kajian rumpai laut di Institut Penyelidikan Marin Borneo, kajian Kacip Fatimah di Institut Biologi dan Tropika Pemuliharaan, kajian pembangunan perumahan kos rendah berasaskan sisa kelapa sawit di Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat". -

Oleh Marryan Razan